

Hargai Perwira Negara - Idris

Oleh SHAZZUAN SHAH MOHD SALEH

AYER KEROH, 31 Julai - Masyarakat wajib berterima kasih kepada para anggota keselamatan kerana mereka telah mempertaruhkan jiwa dan raga demi mempertahankan dan memperjuangkan agama, bangsa dan tanah air.

Ketua Menteri, Datuk Wira Ir. Idris Haron berkata, ramai anggota keselamatan yang terkorban dan ada yang hilang upaya serta cacat seumur hidup agar orang lain boleh menikmati kehidupan yang lebih baik.

"Pengorbanan mereka tidak boleh dinilai dengan wang dan harta kerana ada di antara keluarga yang kehilangan bapa, keluarga kehilangan anak, dan isteri kehilangan suami.

"Kita harus bangga kerana kewibawaan dan keperkasaan anggota keselamatan Malaysia telah menerima pengiktirafan yang tinggi di peringkat antarabangsa.

"Pengalaman yang luas khususnya dalam latihan, disiplin dan semangat patriotik yang tinggi membuatkan anggota keselamatan kita lebih disegani dan dihormati oleh negara lain," katanya.

Idris berkata demikian semasa berucap di Majlis Sambutan Hari Pahlawan Peringkat Negeri Melaka Tahun 2013 di Dewan Seri Negeri di sini, hari ini.

Majlis tersebut diadakan sempena



Yang Dipertua MPHTI, Sapiah Haron menyampaikan sumbangan kepada Idris

sambutan Hari Pahlawan yang disambut pada 31 Julai setiap tahun bagi menghargai pengorbanan dan jasa anggota keselamatan mempertahankan tanah air dari anasir tidak baik.

Pada masa sama, Idris turut menyampaikan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada 10 penerima dan menyampaikan sumbangan kerusi roda kepada empat ahli Persatuan Bekas Tentera serta dua ahli Persatuan Bekas Polis.

Selain itu, Idris turut menyampaikan sumbangan wang tunai kepada

tiga ahli persatuan bekas tentera dan tiga ahli persatuan bekas polis.

Idris juga turut menerima sumbangan RM100,000 dari beberapa agensi kerajaan dan swasta bagi Tabung Hari Pahlawan.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Othman Muhamad; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Naim Abu Bakar dan Pengerusi Kempen Peringatan Hari Pahlawan, Datuk Wira Abdul Ghafar Atan.

Tambah Idris, semangat perjuangan yang masih utuh seharusnya diterapkan di dalam jiwa anak muda masa kini bagi membimbing

mereka menjadi seorang yang kental sekali gus mengelakkan mereka dari terjerumus dalam gejala yang negatif.

"Ia juga mampu menanamkan sifat kecintaan kepada negara agar mereka lebih menghargai perjuangan anggota kesela-

matan yang telah banyak berkorban sejak sebelum mereka sehingga hari ini.

"Jelasnya, sebagai sebuah negara punyai masyarakat berbilang kaum, kita tidak harus hidup dalam bermusuhan, sebaliknya mengamalkan sikap hormat menghormati di antara satu sama lain.

"Dengan cara ini, kita dapat menilai erti kemerdekaan dan lebih menghargai keamanan yang telah kita kecapai sesuai den-

gan tema Hari Pahlawan iaitu 'Kedaulatan Dan Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama,' katanya.

Hadir sama, Panglima 1 Briged, Brig Panglima Datuk, Adnan Abu Bakar; Panglima 3 Divisyen, Mejer Jeneral Datuk Razali Ahmad; Ketua Polis Negeri, Datuk Chua Ghee Lye serta Exco dan Timbalan Exco Keranjaan Negeri.